

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN
RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG
[LANANG]**

TARIKH : 28 MAC 2017

RUJUKAN : 9675

SOALAN :

Puan Alice Lau Kiong Yieng (Lanang) minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan Pusat Pemulihan Dadah di Malaysia (termasuk Pusat Pemulihan Dadah Swasta) dan jumlah klien yang ada di setiap Pusat Pemulihan Dadah serta bagaimana orang awam dapat memohon masuk ke Pusat Pemulihan Dadah.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) mempunyai sebanyak 32 buah Pusat Pemulihan Dadah merangkumi 10 buah Klinik *Cure & Care 1Malaysia* (Klinik C&C 1Malaysia) dan 22 buah *Cure & Care Rehabilitation Centre* (CCRC).

Statistik pada 21 Februari 2017 menunjukkan seramai 5,465 orang klien ditempatkan di CCRC dan seramai 1,400 orang klien di Klinik C&C 1Malaysia.

Sebanyak 82 buah Pusat Pemulihan Dadah Persendirian (PPDP) telah ditubuhkan sehingga 31 Disember 2016. Sebanyak 49 buah PPDP yang telah berdaftar di bawah Seksyen 16 Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 melibatkan seramai 1,801 orang klien.

Pengguna, penyalah guna dan penagih dadah boleh hadir terus ke mana-mana Klinik C&C 1Malaysia secara sukarela untuk mendapatkan rawatan dan pemulihan di seluruh negara melalui kaedah *walk-in*. Penerangan ringkas berhubung perkhidmatan dan prosedur yang perlu diikuti semasa mengikuti program di Klinik C&C 1Malaysia akan diberikan kepada semua yang hadir.